



PENTADBIR TANAH PETALING

NOTIS MENGOSONGKAN KAWASAN SEKSYEN 425 KANUN TANAH NEGARA 1965

Rujukan Fail : Bil. (115) Dlm. PTD.P 3A PT 39. 2010

(Jika ada)

Tarikh : (6) April 2010.

Nama : Fivestar Development (Puchong) Sdn. Bhd.

Alamat : B 1101, Tingkat 11, Phileo Damansara 2,
Jalan Damansara,
46350 Petaling Jaya.

Jenis Binaan : Pondok Pengawal Keselamatan

Adalah di dapati tuan/puan sedang menduduki tanah Kerajaan yang mana Kerajaan mempunyai kepentingan di atas tanah tersebut secara tidak sah (**tanpa kebenaran / langgar syarat lesen menduduki sementara.**) di Bandar / Pekan / Mukim : Petaling, Daerah Petaling. Sila kosongkan tempat ini **di dalam tempoh 14 hari** dari tarikh notis ini di keluarkan bagi mengelakkan tuan/puan diambil tindakan di bawah **Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965**.

Sekiranya pihak tuan/puan gagal berbuat demikian, maka pihak Pentadbir Tanah Petaling atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa kepadanya berhak mengambil tindakan undang-undang bagi memastikan kawasan tersebut dikosongkan dan jika perlu tindakan meroboh permis/bangunan milik tuan/puan akan dibuat tanpa merujuk kepada mana-mana pihak pun.

Pihak Pentadbir Tanah Petaling juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan harta benda milik tuan/puan di atas tindakan ini. Pihak tuan/puan juga tidak di kecualikan dari dikenakan kos-kos yang terlibat dari tindakan berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Adi Faizal".

(ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI)
Penolong Pegawai Daerah. (Penguatkuasa)
b/p : Pentadbir Tanah Petaling.

TERJEMAHAN KANUN TANAH NEGARA 1965.

425 (1) Mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah : -

- (a) Menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau perlombongan atau
 - (b) Pembersihan, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana, tanah sedemikian atau bahagian darinya, atau
 - (c) Memotong atau mengalih apa-apa kayuan atau hasil atau dari tanah sedemikian, adalah melakukan satu kesalahan dan jika di di sabitkan di kenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjaraan untuk satu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- (2) Bagi maksud Seksyen ini tanah kerajaan hendaklah termasuk semua tanah yang di pegang oleh bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa berkenaan

426a(1) Mana-mana Pegawai Polis yang tidak rendah dari pangkat Inspektor, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Petempatan atau lain-lain Pegawai yang di wibawakan dengan sempurna oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas ini dalam Bahagian ini di sebut "Pegawai di wibawa" boleh Tanpa Waran.

- (a) Menahan mana-mana orang yang di dapati melakukan atau cuba Melakukan atau bersubahat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425.
- (b) Merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang di percayainya telah digunakan atau sedang digunakan dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah.
- (c) Memusnahkan atau mengalih mana-mana bangunan atau mengambil milik atas nama Pihak Berkuasa Negeri apa-apa tanaman yang di bina atau di tanam di mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

426(4) Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Petempatan atau Pegawai yang di wibawakan yang membuat penahanan di bawah Seksyen kecil (1) hendaklah tanpa kelewatan yang tidak perlu membawa orang yang di tahan sedemikian kepada Pegawai Polis atau membawa orang itu kepada Balai Polis yang berdekatan atau peruntukan Kanun Acara Jenayah hendaklah di pakai berkaitan dengan orang yang di tahan sedemikian.

Untuk Maklumat Lanjut:

**Pejabat Daerah / Tanah Petaling
Komplek Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No. 9, Jalan SS 16/1
47500 Subang Jaya.
No.Tel : 56331963 No.Fax: 56375859**